

# UPM tawar 5,500 tempat diploma, ijazah

**K**IRA-KIRA 5,500 tempat ditawarkan kepada lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan matrikulasi untuk mengikuti program diploma dan ijazah pertama di Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi sesi 2008/2009, Julai depan.

Daripada jumlah itu, 85 peratus atau 4,650 tempat disediakan untuk lulusan STPM/matrikulasi mengikuti pengajian ijazah, manakala 15 peratus atau 850 lagi lepasan SPM menyertai diploma (600 - kampus Bintulu) serta Asasi Sains Pertanian (250).

Bagaimanapun, Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah, berkata jumlah sebenar tempat yang disediakan ditentukan selepas mesyuarat pemilihan bersama dengan Kementerian Pengajian Tinggi.

"Tiada program baru diperkenalkan tahun ini dan jumlah pelajar diambil dijangka tidak jauh berbeza dengan tahun sebelumnya.

"UPM belum melaksanakan langkah mengurangkan pengambilan pelajar ijazah, namun kita ada perancangan melaksanakannya bagi mencapai nisbah pelajar siswazah berbanding pasca siswazah pada kadar 1:1 menjelang 2015.

"Antara cabaran melaksanakannya untuk memastikan jumlah pensyarah mencukupi kerana ada nisbah tertentu bagi setiap bidang pengajian, contohnya, program perubatan ditetapkan nisbah pensyarah kepada pelajarnya pada kadar 1:4," katanya kepada *Berita Harian*, kelmarin.

Nik Mustapha berkata, ketika ini ada 19,000 pelajar siswazah dan 7,000 lagi pascasiswazah sedang mengikuti pengajian di universiti itu.

Sementara itu, katanya, pelajar yang memohon mengikuti program pendidikan di UPM boleh mula menyemak keputusan permohonan mereka menerusi laman web Kementerian Pengajian Tinggi untuk memastikan tempat serta tarikh ujian Inventori Pemilihan Pengajar Malaysia (Medsi) dan temu duga.